

Jerantut: Kerajaan negeri diminta memberhentikan kegiatan pembalakan di negeri masing-masing bagi mengelakkan musibah banjir lebih teruk sehingga menyebabkan kesusahan kepada rakyat pada masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, semua kerajaan negeri wajar mengkaji pemberian lesen pembalakan kerana kegiatan itu dipercayai penyumbang besar kepada kejadian banjir besar yang berlaku ketika ini.

“Penguatkuasaan peraturan pembalakan wajar ditingkatkan selain tidak sewenang-wenangnya meluluskan lesen di kawasan penampian, hulu sungai dan hutan simpanan berdekatan pusat pelancongan,” katanya.

Menurutnya, pihak berkuasa seperti Jabatan Perhutanan dan penguatkuasa tertentu kerajaan negeri perlu bertindak lebih tegas dan tidak berdiam diri.

Hentikan kegiatan pembalakan

FOTO: NAZIRUL ROSELAN



SHAHIDAN (kanan) bersama **Ahmad Nazlan** (kiri) meninjau rumah penduduk yang musnah akibat banjir yang berlaku baru-baru ini di Kampung Belebar, Kuala Tahan.

“Mereka perlu berani bertindak berasaskan peraturan sedia ada tanpa me-

milih bulu terhadap pihak tidak bertanggungjawab menebang pokok dan mene-

roka hutan secara haram.

“Musibah banjir lumpur dan hakisan di Cameron

Highlands sebelum ini sepatutnya menyedarkan semua pihak supaya menjaga alam sekitar dan khazanah biodiversiti yang menjadi tarikan pelancong serta manfaat penduduk tempatan.

“Sikap rakus dan ‘tangan-tangan gatal’ sesetengah pihak tidak bertanggungjawab menggunakan kuasa dengan legitimasi orang tertentu meratah hutan menjadi gondol sehingga menyebabkan banjir besar, sekali gus menyusahkan rakyat,” katanya ketika ditemui meninjau kesan musibah banjir di Kampung Belebar, Kuala Tahan, dekat sini, semalam.

Terdahulu, Shahidan meninjau kawasan Taman Negara Kuala Tahan dan Hulu Tembeling yang terbabit dengan musibah banjir sebelum bertemu 29 mangsa banjir di Kampung Belebar, di sini.

Hadir sama Ahli Parlimen Jerantut Ahmad Nazlan Id-ris.

Shahidan berkata, kejadian banjir di daerah ini menyebabkan kediaman penduduk dan pusat pelancongan terletak di persisiran Sungai Tembeling dan Sungai Pahang terjejas berpunca akibat penebangan hutan dan pembalakan komersial di kawasan hulu.

“Saya berharap kerajaan negeri memberhentikan kegiatan berkenaan dan jangan meluluskan lesen mengeluarkan kayu balak di kawasan penampian berdekatan sungai dan pusat pelancongan Taman Negara.

“Tinjauan saya dari udara, hari ini (semalam), menunjukkan hampir keseluruhan hutan Hulu Tembeling sudah diteroka dan penebangan balak berleluasa yang hampir sama seperti berlaku di Cameron Highlands, baru-baru ini,” katanya.

FAKTA

Pusat pelancongan terletak di persisiran Sungai Tembeling dan Sungai Pahang terjejas